



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

JEMAAH MENTERI BERSETUJU RANG UNDANG-UNDANG PENCEMARAN JEREBU MERENTAS SEMPADAN DIGUBAL

21 FEBRUARI 2020, PUTRAJAYA – Jemaah Menteri telah bersetuju dengan memorandum yang dibentangkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) untuk menerajui penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.

Proses penggubalan RUU ini merupakan langkah pelengkap kepada pelbagai usaha Kerajaan Malaysia dalam menangani pencemaran jerebu merentas sempadan. Pada masa ini, tiada undang-undang khusus di dalam negara yang membolehkan Malaysia mengambil tindakan ke atas syarikat atau individu yang beroperasi di luar negara yang menjadi punca dan penyebab insiden jerebu merentas sempadan.

Penggubalan RUU ini membolehkan pihak berkuasa melaksanakan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih cekap, terutamanya terhadap

syarikat atau individu dari Malaysia bagi membendung pencemaran jerebu merentas sempadan yang disebabkan oleh pembakaran ladang dan hutan yang tidak terkawal.

MESTECC telah memulakan proses penggubalan RUU ini dan akan melibatkan pelbagai agensi kerajaan, pemegang taruh dan pakar-pakar memandangkan RUU ini akan merangkumi pelbagai elemen seperti sekuriti, geopolitik, keselamatan data dan meliputi fungsi serta bidang kuasa pelbagai kementerian berkaitan.

Insiden jerebu merentas sempadan yang berlaku hampir setiap tahun disebabkan oleh pembakaran hutan dan ladang memberikan kesan negatif terhadap alam sekitar, ekonomi, kesihatan awam dan kesejahteraan rakyat di rantau ini termasuk Malaysia.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, insiden jerebu telah menyebabkan negara mengalami kerugian ekonomi sebanyak RM1.49 bilion (2013) dan RM1.16 bilion (2015) melibatkan pelbagai sektor tidak termasuk kos pemadaman kebakaran, operasi pembenihan awan, pembatalan jadual penerbangan, acara sukan dan kemusnahan biodiversiti serta ancaman perubahan iklim.

Malaysia terus memainkan peranan aktif menangani insiden jerebu merentas sempadan sejak tahun 1997 dan menjadi salah sebuah negara yang memeterai Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang klausa dalam perjanjian ASEAN ini yang membolehkan hukuman dan tindakan punitif diambil ke atas pesalah yang menyebabkan jerebu merentas sempadan.

Sehubungan itu, RUU ini dijangka akan menekankan elemen *precautionary*, *preventive* dan *punitive* bagi membendung insiden jerebu merentas sempadan pada masa hadapan. Pendekatan ini adalah penting supaya masalah jerebu merentas sempadan dapat dibendung secara holistik.

----- **TAMAT** -----

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

MESTECC

Emel: noorhaniza@mestecc.gov.my

No. Tel: 03-88858084

Emel: suffian@mestecc.gov.my

No. Tel: 03-88858313

Dikeluarkan pada 21 Februari 2020, jam 3.10 petang